

REL RINGAN  
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 27 OKT (BERNAMA) -- SATU KAJIAN MENGENAI SISTEM TRANSIT REL RINGAN (LRT) YANG MENGHUBUNGKAN PETALING JAYA DENGAN KUALA LUMPUR AKAN DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, KATA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK SHAHRIR SAMAD HARI INI.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN TARIKH KAJIAN ITU AKAN DIMULAKAN.

BELIAU BERKATA LANDASAN PERTAMA SISTEM LRT ITU AKAN MENGHUBUNGKAN SENTUL DENGAN SS 5 DI PETALING JAYA YANG MELIPUTI JARAK SEJAUH 18.5 KM.

DATUK SHAHRIR MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI SETIAUSAHA BAGI PERDAGANGAN LUAR BELGIUM ENCIK ANDRE KEMPINAIRE DI SINI. BELIAU BERKATA SISTEM ITU BUKANNYA UNTUK MENANDINGI SISTEM AEROBUS YANG BERKHIDMAT UNTUK PARA PENGGUNA DALAM LINGKUNGAN BANDARAYA.

BELIAU BERKATA SATU LAPORAN KAJIAN YANG DISERAHKAN OLEH PERSATUAN KONSORTIUM BELGIUM MENUNJUKKAN BAHAWA SISTEM ITU MENGAMBIL MASA KIRA-KIRA TIGA SETENGAH TAHUN UNTUK DISIAPKAN DENGAN BELANJA ANTARA \$520 HINGGA \$550 JUTA.

-- LAGI 2200/LK

REL RINGAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SHAHRIR MENAMBAH KERAJAAN BELGIUM TELAH MENAWARKAN PINJAMAN ATAS DASAR KERAJAAN KEPADA KERAJAAN SEBANYAK 4.5 PERATUS (KIRA-KIRA \$25 JUTA) DARIPADA PERBELANJAAN PROJEK ITU DENGAN KADAR FAEDAH DUA PERATUS BAGI TEMPOH 30 TAHUN.

BELIAU BERKATA PENGENDALIAN SISTEM ITU BERKEMUNGKINAN BESAR DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA.

SISTEM ITU YANG AKAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN SETIAP ENAM MINIT AKAN MENOLONG MENGURANGKAN KESESAKAN LALULINTAS DAN ORANGRAMAI AKAN DAPAT MENJIMATKAN PERBELANJAAN UNTUK BERULANG-ALIK ANTARA KUALA LUMPUR DENGAN PETALING JAYA.

KAJIAN ITU JUGA TELAH MERANGKA KADAR TAMBANG ANTARA 80 SEN DAN \$1 BAGI SETIAP PERJALANAN DAN STESEN-STESEN AKAN DIADAKAN DI SEPANJANG JALAN 18.5 KM ITU.

STESEN-STESEN YANG DICADANGKAN TERMASUK KOMPLEKS DAMAI, SULAIMAN COURT, DEWAN BANDARAYA, KOMPLEKS DAYA BUMI, BANGSAR DAN KAMPUNG KERINCI.

-- LAGI 2203/LK

REL RINGAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SHAHRIR BERKATA SISTEM LRT ITU LAMA-KELAMAAN AKAN DIPERLUASKAN MELIPUTI SELURUH LEMBAH KELANG.

SETIAP KOC DALAM SISTEM LRT BUATAN BELGIUM ITU BOLEH MENEMPATKAN 247 ORANG PENUMPANG DAN BERJALAN DENGAN KELAJUAN MAKSIMUM 75 KM SEJAM.

SISTEM YANG SAMA SEDANG DIBINA DI MANILA YANG MELIPUTI JARAK 10 KM.

-- BERNAMA 2204/LK